

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14 TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG (KEPONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status penguatkuasaan pengasingan sisa sampah serta jumlah saman dikeluarkan dan nilai kutipan saman setiap tahun dari 2018 hingga 2021 kerana gagal mengasingkan sampah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah melaksanakan penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) bermula pada 1 Jun 2016 sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan.

Mulai tahun 2018, SWCorp telah melaksanakan penumpuan semakan SAS bagi premis bertanah yang melibatkan sebanyak 3,455,203 premis bertanah. Penumpuan semakan SAS bagi premis bertingkat pula, telah dipergiatkan bermula Oktober 2021. Status penguatkuasaan pengasingan sisa sampah serta jumlah saman mulai tahun 2018 hingga 2021 adalah seperti berikut:

- a) sebanyak 7,747 operasi telah dijalankan di tujuh (7) buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis yang melibatkan 12,881 taman perumahan dan 902,407 bilangan premis bertanah yang telah diperiksa; dan
- b) hasil tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, sebanyak 387 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) telah dikeluarkan kepada isi rumah yang gagal mengasingkan sisa pepejal. Sebanyak 181 NPK telah dikompaun dengan nilai terkumpul sebanyak RM9,050 manakala baki 206 NPK pula masih dalam siasatan Pegawai Penyiasat.

Sekian, terima kasih.